



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TUGASAN TEKNIKAL (ELEKTRIK)
E.1-2-3 EB.4**

**JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENYAMBUNG KABEL RENDAH
TRADESMAN KUMPULAN I TINGKAT I
TRADESMAN KUMPULAN II TINGKAT I
TUKANG ELEKTRIK
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 EB KHAS \$895 - \$975 SEBULAN)
KEKOSONGAN = ENAM (06)**

BAGI JAWATAN YANG TIDAK DINYATAKAN DI ATAS DAN MEMPUNYAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG SEBANDING BOLEH DIPERTIMBANGKAN MASUK KE PROSES PENGISIAN KLUSTER

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

ATAU

- b) *BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / BDTVEC National Vocational Certificate (NVC)* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**JAWATAN: TRADESMAN KUMPULAN I TINGKAT I (E.1-2-3 EB.4) -
03 KEKOSONGAN**

**A) UNIT PROJEK / BAHAGIAN PROJEK, JABATAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL
DAN ELEKTRIKAL**

1. Memeriksa pendawaian bangunan-bangunan Kerajaan jika diperlukan oleh pihak pengguna dan menyediakan cadangan-cadangan berserta dengan anggaran kerja-kerja yang diperlukan;



2. Menyediakan spesifikasi bagi kerja-kerja pembekalan dan pendawaian elektrik bagi projek-projek bangunan Kerajaan;
3. Menyediakan dokumen-dokumen dan lukisan tawaran bagi kerja-kerja di atas sebelum tawaran dibuka;
4. Memeriksa kerja-kerja pembekalan dan pendawaian elektrik yang sudah siap sebelum diserahkan kepada pihak klien / pengguna;
5. Memproses tuntutan-tuntutan pembayaran dari pihak pemberong bagi kerja-kerja yang sudah selesai;
6. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat di tapak bina, penyerahan tapak, penyerahan bangunan-bangunan bersama dengan pihak-pihak berkenaan seperti Bomba, Klien, Arkitek dan Agensi-Agenzi yang berkenaan berhubung dengan projek-projek bagi bangunan Kerajaan khususnya bagi kerja-kerja pendawaian elektrik yang dikendalikan; dan
7. Mengendalikan arahan-arahan dari semasa ke semasa jika diperlukan oleh Ketua serta Ketua Jabatan.

B) UNIT PEMELIHARAAN ELEKTRIKAL / BAHAGIAN OPERASI DAN PEMELIHARAAN, JABATAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

1. Menghadiri dan membaik pulih mana-mana kerosakan elektrik di bahagian bangunan;
2. Memastikan aduan-aduan yang diterima dilaksanakan dengan segera lagi efisien;
3. Memastikan sistem elektrik berfungsi dengan baik dan sempurna;
4. Membantu kakitangan yang lain jika diperlukan; dan
5. Bertugas *stand-by* selepas waktu bekerja.



DI JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI

JAWATAN: TUKANG ELEKTRIK (E.1-2-3 EB.4) - 03 KEKOSONGAN

1. Bertanggungjawab kepada Pengawas (Tukang Elektrik) yang berkenaan;
2. Ditugaskan dalam hal ehwal pemasangan dan pemeliharaan peralatan elektrik;
3. Membantu dalam menjalankan tugas hal ehwal operasi penyiaran televisyen / penyiaran radio berdasarkan kepada penempatan (seksyen / unit) Tukang Elektrik tersebut iaitu seperti di studio televisyen / studio radio / pos-produksi dan rakaman televisyen / siaran luar; dan
4. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.